



**PENDIDIKAN PERAKAUNAN DI POLITEKNIK : KESESUAIAN
SUBJEK PERAKAUNAN KEWANGAN DENGAN KEPERLUAN
SEMASA**

SHARIFFAH INTAN BINTI SYED SALLEH



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI PERNIAGAAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2006





PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

20.04.2006

SHARIFFAH INTAN BINTI SYED SALLEH
M20041000189





Dedikasi khas kepada.....

***Tuan Syed Ismail Syed Mohamad, suami yang tercinta
atas segala pengorbanan, kasih sayang & semangat yang diberikan***

***Syed Salleh & Shariffah Fatimah, umi dan walid yang dikasihi
atas kesabaran dan doa restu terhadap perjuanganku***

***Anak-anak & keluarga yang disayangi
atas keperihatinan & kerjasama yang diberikan selama ini***





PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang.

Alhamdulillah, bersyukur penulis ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnianya, penulisan tesis ini telah dapat disiapkan dengan sempurnanya bagi memenuhi keperluan untuk ijazah Ijazah Sarjana Pendidikan (Perakaunan).

Penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada Profesor Madya Hariri Bin Khamis, Dekan Fakulti Perniagaan dan Ekonomi selaku Penyelia di atas segala bimbingan, teguran dan sokongan yang diberikan selama ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Omar Abdull Kareem, Pengarah Pusat Pengajian Siswazah dan Encik Mohd. Abdullah bin Jusoh selaku Ketua Jabatan Perakaunan atas tunjuk ajar yang pernah diberikan selama ini.

Terimakasih juga diucapkan kepada pensyarah-pensyarah semester November 2004/2005 hingga semester Julai Sesi 2005/2006 yang melalui kuliah-kuliah mereka telah meningkatkan ilmu dan kefahaman serta minat penulis dalam menyiapkan kajian ini.

Tidak dilupakan juga jasa dan terima kasih penulis ucapkan kepada Tuan Haji Ali Bin Hassan atas pertimbangan beliau terhadap rayuan temuduga pemilihan calon-calon mengikuti kursus peringkat sarjana di bawah skim Latihan Pegawai Biasiswa Perkhidmatan Pendidikan Tahun 2004. Terima kasih juga penulis ucapkan kepada Dr. Hj. Mohammad Naim Bin Yaakub, Timbalan Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, yang telah memberi kebenaran untuk menjalankan kajian di Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Ucapan terima kasih juga kepada Puan Noor Hakimi Binti Tajul Ariffin dari SMK Pangkalan TLDM, Lumut yang sudi menyemak dan memperbaiki item-item dalam soal selidik.

Akhir sekali, bersyukur ke hadrat Allah SWT yang telah menganugerahkan kepada penulis seorang suami yang begitu banyak berkorban masa dan tenaga sepanjang proses pembelajaran penulis di sini.

Semoga Allah SWT memberkati hidup kita semua.



ABSTRAK.

Tujuan utama penyelidikan ini adalah untuk mengenalpasti pendapat dan perbezaan pendapat antara pensyarah dan pelajar Diploma Akauntansi (DAT) semester dua, tiga, lima dan enam mengenai kesesuaian subjek perakaunan kewangan di Politeknik-politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dengan keperluan semasa dari aspek kandungan kursus dan kurikulum, pedagogi, pembangunan kemahiran dan perkembangan teknologi. Kaedah yang digunakan di dalam kajian ini adalah berbentuk tinjauan yang melibatkan selama tiga bulan dan melibatkan 244 orang responden dari politeknik-politenik yang berada di daerah zon tengah Semenanjung Malaysia. Data-data kuantitatif yang diperolehi telah di dianalisis dengan menggunakan SPSS versi 12. Analisis deskriptif seperti frekuensi, peratusan, min, sisihan piawai digunakan bagi menjawab persoalan kajian. Ujian Analisis Varians Satu Hala digunakan untuk mengenalpasti perbezaan pendapat antara responden. Hasil kajian menunjukkan responden secara umumnya bersetuju bahawa kurikulum pendidikan perakaunan dan kaedah pedagogi perlu diubah segera agar bersesuaian dengan keperluan masa kini. Responden juga konsisten dalam pendapat mereka mengenai kepentingan aspek pembangunan kemahiran dan aspek kemahiran teknologi yang perlu dikuasai oleh pelajar dan pensyarah DAT di Politeknik, walaubagaimanapun terdapat juga perbezaan pendapat yang signifikan di antara kumpulan responden yang dibuktikan oleh ujian ANOVA sehala.



ABSTRACT

The main objective of this research is to identify the perception and the different of perception within lectures and students of Diploma in Accountancy (DAT) in semester two, three, five and six in Politechnics under Malaysian Higher Education Ministry, regarding the suitability of the financial accounting subject in the aspects of course content and curriculum, pedagogy, skills and technology with current needs. A survey was conducted involving 244 respondents from Politechnics in the middle part of East Malaysia. The quantitative data gathered were analyzed using SPSS version 12. Descriptive analysis such as frequency, percentage, mean and standard deviation were used to answer the research questions. The one way ANOVA was used to identify the differences in the respondents' perceptions. The result show that in general, the respondents agree that the curriculum of accounting education and the pedagogical method must be revised to suit the current needs. Respondents also agree on the significance of mastering skills and technological aspect among Politechnic lecturers and the students of Diploma Accountancy. Nevertheless, the one way ANOVA test shows there are significant differences in perceptions among the respondents.



KANDUNGAN

Mukasurat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv

BAB 1	PENDAHULUAN	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latarbelakang Kajian	6
1.2.1	Punca-Punca Perubahan	10
1.3	Pernyataan Masalah	15
1.4	Objektif Kajian	17
1.5	Model Konseptual Kajian	17
1.6	Persoalan Kajian	18
1.7	Hipotesis	19
1.8	Kepentingan Kajian	20
1.9	Definisi Operational Kajian	21

1.10	Bidang Dan Batasan Kajian	26
1.10.1	Bidang Kajian	26
1.10.2	Batasan Kajian	27

BAB 2 KAJIAN LITERATUR 28

2.1	Kelayakan Masuk Bidang Perakaunan	31
2.2	Aspek Kandungan Kursus Dan Kurikulum	32
2.3	Aspek Pedagogi	37
2.4	Aspek Pembangunan Kemahiran	39
2.5	Aspek Perkembangan Teknologi	45
2.6	Teori Keseimbangan Pasaran	47
2.7	Teori Pendidikan (Educational Theory)	49
2.8	Teori Pembelajaran: Behaviorisme Kepada Konstruktivisme	50
2.9	Teori Konstruktivisme	51

BAB 3 METHODOLOGI KAJIAN 55

3.1	Rekabentuk Kajian	56
3.2	Populasi Dan Persampelan	56
3.3	Instrumen, Kesahan Dan Kebolehpercayaan	60
3.3.1	Rekabentuk Soal Selidik	60
3.3.1.1	Bahagian A:Kandungan Kursus Dan Kurikulum	63
3.3.1.2	Bahagian B:Pedagogi	64
3.3.1.3	Bahagian C:Pembangunan Kemahiran	64
3.3.1.4	Bahagian D:Perkembangan Teknologi	65
3.3.1.5	Bahagian E:Kesimpulan	65
3.3.1.6	Bahagian F:Latarbelakang Pensyarah Dan Pelajar	66
3.3.2	Kesahan Dan Kebolehpercayaan	66
3.3.2.1	Kajian Rintis	66
3.4	Prosedur Mengumpul Data	68
3.5	Prosedur Menganalisis Data	69

BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN 72

4.1	Analisis Deskriptif Latar Belakang Responden	72
4.2	Analisis Deskriptif Persoalan Kajian:Kekerapan Dan Peratus	74

4.3	Analisis Deskriptif Persoalan Kajian: <i>Ranking</i>	78
4.4	Analisis Inferensi Pengujian Hipotesis	89
4.5	Kesimpulan	102

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN 104

5.1	Pendapat Pelajar Dan Pensyarah	105
5.2	Perbezaan Pendapat Pelajar Dan Pensyarah	109
5.3	Implikasi Dan Cadangan	110
5.3.1	Kandungan Kursus Perakaunan Kewangan	111
5.3.2	Menetapkan Misi	112
5.3.3	Perancangan Strategik	112
	5.3.3.1 Menilai Persekitaran Yang Dihadapi Oleh Program Perakaunan.	113
	5.3.3.2 Pertimbangan Teliti Atas Topik Dalam Sukatan Subjek Perakaunan Kewangan	114
	5.3.2.3 Penelitian Teliti Pedagogi Dalam Kelas	115
5.4	Kesimpulan	116

BIBLIOGRAFI 118

LAMPIRAN

A1	Soal Selidik Pensyarah Dan Pelajar
A2	Surat Kebenaran Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
A3	Surat Permohonan Untuk Menjalankan Kajian Di Bawah Premis Kementerian Pengajian Tinggi.
A4	Surat Pengenalan Diri

SENARAI JADUAL

Jadual		Mukasurat
1.1.1	Kemasukan, Enrolmen Dan Lulusan Peringkat Diploma Akauntansi Politeknik KPTM Tahun 2004.	3
1.1.2	Jumlah Jam Kredit Subjek Bidang Perakaunan	5
1.1.3	Pecahan Subjek Perakaunan Kewangan	5
1.2.1	Data yang menunjukkan peningkatan gaji kepada lulusan pengajian perniagaan berbanding lulusan perakaunan oleh NACE di antara tahun 1990 hingga 1999.	13
3.1	Bilangan Politeknik Zon Tengah Yang Menawarkan Subjek Perakaunan Kewangan Bagi Kursus Diploma Akauntansi (DAT) Dan Bilangan Pelajar Serta Pensyarah Pada Tahun 2005.	57
3.2	Persampelan Rawak Berlapis Bagi Responden Pelajar	57
3.3	Jumlah Persampelan	58
3.4	Sampel Politeknik Terpilih Dan Tarikh Kajian	59
3.5	Sumber-sumber Rujukan Membuat Soal Selidik	61
3.6	Nilai Pekali Alpha Cronbach Mengikut Aspek Kajian	68
4.1.1	Taburan Kategori Responden Mengikut Politeknik	72
4.1.2	Taburan Responden Mengikut Jantina	73
4.1.3	Taburan Responden Mengikut Bangsa	73

Jadual

Mukasurat

4.1.4	Taburan Responden Mengikut Minat Terhadap Subjek Perakaunan Kewangan	73
4.1.5	Taburan Responden Mengikut Kelulusan Akademik	74
4.2.1	Taburan Pendapat Responden Mengenai Kesesuaian Subjek Perakaunan Kewangan Dengan Keperluan Semasa Dari Aspek Kandungan Kursus Dan Kurikulum.	75
4.2.2	Taburan Pendapat Responden Mengenai Kesesuaian Subjek Perakaunan Kewangan Dengan Keperluan Semasa Dari Aspek Pedagogi.	76
4.2.3	Taburan Pendapat Responden Mengenai Kesesuaian Subjek Perakaunan Kewangan Dengan Keperluan Semasa Dari Aspek Pembangunan Kemahiran.	77
4.2.4	Taburan Pendapat Responden Mengenai Kesesuaian Subjek Perakaunan Kewangan Dengan Keperluan Semasa Dari Aspek Perkembangan Teknologi.	78
4.3.1	<i>Ranking</i> Soalselidik Aspek Kandungan Kursus Dan Kurikulum	79
4.3.2	<i>Ranking</i> Soalselidik Aspek Pedagogi	80
4.3.3	<i>Ranking</i> Soalselidik Aspek Pembangunan Kemahiran	81
4.3.4	<i>Ranking</i> Soalselidik Aspek Perkembangan Teknologi	82
4.4.1	Keputusan Keseluruhan Ujian ANOVA sehalu, Aspek Kandungan Kursus Dan Kurikulum, Pedagogi, Pembangunan Kemahiran Dan Perkembangan Teknologi Dengan Pensyarah Dan Pelajar DAT (sem. 2,3,5 dan 6)	90
4.4.2	Rumusan Ujian ANOVA sehalu, Aspek Kandungan Kursus Dan Kurikulum dengan Pensyarah dan Pelajar.	91
4.4.3	Analisis Terperinci Ujian ANOVA sehalu, Aspek Kandungan Kursus Dan Kurikulum dengan Pensyarah dan Pelajar	92

Jadual

Mukasurat

4.4.4	Rumusan Ujian ANOVA sehala, Aspek Pedagogi dengan Pensyarah dan Pelajar.	93
4.4.5	Analisis terperinci Ujian ANOVA sehala, Aspek Pedagogi dengan Pensyarah dan Pelajar.	95
4.4.6	Rumusan Ujian ANOVA sehala, Aspek Pembangunan Kemahiran dengan Pensyarah dan Pelajar.	96
4.4.7	Analisis terperinci Ujian ANOVA sehala, Aspek Pembangunan Kemahiran dengan Pensyarah dan Pelajar.	98
4.4.8	Rumusan Ujian ANOVA sehala, Aspek Perkembangan Teknologi dengan Pensyarah dan Pelajar	99
4.4.9	Analisis Terperinci Ujian ANOVA sehala, Aspek Perkembangan Teknologi dengan Pensyarah dan Pelajar.	101
5.1.1	Perbandingan Aspek Kemahiran Dengan Kajian Yang Lalu	108



SENARAI RAJAH

Rajah	Mukasurat
Rajah 1 Tiga Punca Utama Yang Menyebabkan Perubahan Kepada Persekitaran Perniagaan.	11
Rajah 2 Model Konseptual Kajian	18
Rajah 3 Model Pendidikan Perakaunan Yang Lama	48
Rajah 4 Model Pendidikan Perakaunan Yang Baru	49



SENARAI SINGKATAN

DAT	Diploma Akauntansi
AAA	American Accounting Assosiation's
MIA	Malaysian Institute of Accountancy
ASEAN	Assosiation South East Asean Nation
GATS	General Agreement on Trade in Services
AFAS	Asean Framework Agreement In Services
KPTM	Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
IMA	Institute of Management Accountants
AICPA	American Institute of Certified Public Accountant
AAA	American Accounting Association
CPAs.	Chartered Public Accountant
A & S	Albrecht dan Sack



BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Pendidikan Politeknik diperkenalkan di Malaysia melalui Pelan Colombo pada tahun 1969 dengan tertubuhnya Politeknik yang pertama iaitu Politeknik Ungku Omar (PUO) di Ipoh, Perak. Pendidikan Politeknik dimantapkan lagi dengan sokongan dari Jawatankuasa Kabinet mengenai Perlaksanaan Pendidikan (1979) dan Pelan Perindustrian Utama (1985 – 1995). Setakat ini 20 buah Politeknik telah beroperasi dengan jumlah pelajar pada tahun 2004 seramai 53,492 orang.

Pada peringkat awal, pengurusan Politeknik adalah terletak di bawah Bahagian Pengurusan Politeknik, Jabatan Pendidikan Teknikal, Kementerian Pendidikan Malaysia. Bermula pada tahun 2004 pengurusan Politeknik telah dipindahkan ke



bahagian Pengurusan Politeknik, Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM).

Antara bidang akademik dalam Politeknik KPTM adalah bidang kejuruteraan, perdagangan dan hospitaliti. Bidang akademik yang diberi tumpuan disini adalah bidang perdagangan yang menawarkan kursus di peringkat Diploma dan Sijil. Kursus-kursus yang ditawarkan di peringkat Diploma adalah Diploma Akauntansi (DAT), Insurans, Kewangan dan Perbankan, Pemasaran, Pengajian Perniagaan (Pengurusan) dan Pengajian Perniagaan (Perniagaan Antarabangsa). Kursus-kursus di peringkat sijil pula adalah Sijil Pemprosesan Data, Sijil Pengajian Perniagaan dan Sijil Penyimpanan Kira.

Bidang perdagangan bagi kursus Diploma Akauntansi (DAT) menyediakan latihan teori dan praktikal dalam bidang perakaunan bagi membolehkan pelajar memasuki komuniti perniagaan serta dapat berfungsi dengan cekap dan lancar menggunakan sistem manual dan komputer. Kursus ini mencakupi semua bidang perakaunan seperti kewangan, pengkosan, pengurusan, percukaian dan pengauditan. Selain bidang perakaunan, pelajar juga mempelajari bidang lain yang berkaitan dengan undang-undang syarikat, undang-undang perdagangan, pengurusan perniagaan dan ekonomi yang dibentuk untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran pengurusan bagi membolehkan mereka meningkat kejawatan penyeliaan. Semua pelajar diwajibkan menjalani latihan industri selama 6 bulan di semester empat bagi membolehkan mereka mendapat pengalaman kerja dalam persekitaran perniagaan dan perakaunan.

Terdapat sebelas Politeknik yang menawarkan kursus DAT dari dua puluh Politeknik yang ada di Malaysia (Jadual 1.1.1).

**Jadual 1.1.1: Kemasukan, Enrolmen Dan Lulusan Peringkat Diploma
Akauntansi Politeknik KPTM Tahun 2004.**

Peringkat/Jenis Kursus	Kemasukan/Intake			Enrolmen/Enrolment			Lulusan/Graduate		
	L	P	J	L	P	J	L	P	J
1.Politeknik Ungku Omar(PUO),Ipoh	15	67	82	103	404	507	14	72	86
2.Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah,Pahang.	14	65	79	63	430	493	11	67	78
3.Politeknik Kota Baru,Kelantan	15	80	95	76	390	466	12	70	82
4.Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah,Kedah	22	65	87	103	414	517	7	65	72
5.Politeknik Kuching, Sarawak	19	52	71	72	229	301	5	32	37
6.Politeknik Port Dickson, N.Sembilan	12	65	77	80	317	397	12	37	49
7.Politeknik Kota Kinabalu,Sabah	16	31	47	65	129	194	8	31	39
8.Politeknik Seb. Perai, P.Pinang	9	33	42	44	223	267	Belum lagi		
9.Politeknik Merlimau, Melaka	21	65	86	60	241	301	Belum lagi		
10.Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang. Perak	15	67	82	43	185	228	Belum lagi		
11.Politeknik Kulim,Kedah	9	71	80	38	204	242	Belum lagi		
JUMLAH	167	661	828	747	3 166	*3 913	69	374	443

Sumber: Perangkaan Pendidikan Malaysia, 2004



Menurut Perangkaan Pendidikan Malaysia tahun 2004, bilangan lulusan pelajar kursus DAT adalah yang paling tinggi iaitu sebanyak *3,913/31,405 (12.46%) daripada 42 kursus diploma yang ditawarkan oleh Politeknik, KPTM. Tempat kedua diikuti oleh Diploma Kejuruteraan Elektronik seramai 3,353 (10.46%) dan Diploma Kejuruteraan Awam seramai 3,100 (9.87%) di tempat ketiga. Data ini jelas menunjukkan betapa saban tahun pasaran pekerjaan dalam bidang perakaunan dikuasai oleh lulusan dari Politeknik di peringkat separa profesional. Ini bersesuaian dengan visi Politeknik KPTM yang menyatakan bahawa Politeknik haruslah menjadi pusat kecemerlangan pendidikan dalam bidang kejuruteraan, perdagangan dan hospitaliti serta berazam melahirkan graduan yang berketrampilan, berakhlak mulia dan bertanggungjawab selari dengan Falsafah Pendidikan Negara dan misi utama Politeknik adalah menghasilkan tenaga kerja separa profesional yang berkualiti bagi menampung keperluan sektor awam dan swasta di Malaysia.



Sehubungan dengan itu, selaku salah seorang warga Politeknik yang berkhidmat sebagai tenaga pengajar, saya merasa bertanggungjawab untuk memberi sumbangan kepada Politeknik dalam mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan. Biarpun sumbangan melalui kajian yang dilakukan ini adalah kecil, namun ianya telah memberi peluang kepada saya untuk memainkan peranan yang sepatutnya demi kepentingan anak-anak didik yang disayangi.

Kepentingan peranan akauntan di dalam sesebuah organisasi perniagaan memang tidak disangkal lagi sehingga dikatakan bahawa akauntan adalah pekerja pertama di ambil bekerja apabila perniagaan dimulakan dan yang terakhir sekali dibuang kerja apabila perniagaan dibubarkan. Peluang-peluang pekerjaan bagi profesion





akauntan terbuka di sektor swasta, sektor awam dan juga firma perakaunan (Gilbertson, 1992)

Salah satu objektif pendidikan perakaunan di Politeknik adalah supaya pelajar memperoleh pengetahuan dan menguasai kemahiran serta mengaplikasikannya bila bekerja sebagai tenaga pekerja separa profesional. Sebahagian besar daripada konsep asas dalam bidang perakaunan adalah terdapat dalam subjek ini. Ini dapat dilihat dari jadual 1.1.2 yang menunjukkan subjek perakaunan kewangan menguasai 53% dari jumlah jam kredit subjek bidang perakaunan.

Jadual 1.1.2 : Jumlah Jam Kredit Subjek Bidang Perakaunan

Bil.	Subjek Dalam Bidang Perakaunan	Jumlah Jam Kredit
1.	Perakaunan Kewangan	18
2.	Perakaunan Pengurusan	4
3.	Pengauditan	3
4.	Percukaian	6
5.	Kewangan	3
Jumlah		34

Sumber: Kurikulum Diploma Akauntansi (DAT), Jun 2003

Jadual 1.1.3 : Pecahan Subjek Perakaunan Kewangan

Kod	Jam Kredit	Subjek	Semester	Pelajar DAT
P1105	4	Perakaunan Awalan	1	Tahun 1
P2201	3	Perakaunan Kewangan 1	2	Tahun 1
P3201	3	Perakaunan Kewangan 2	3	Tahun 2
P4201	4	Perakaunan Kewangan 3	5	Tahun 3
P5201	4	Perakaunan Kewangan 4	6	Tahun 3

Sumber: Kurikulum Diploma Akauntansi (DAT), Jun 2003



Pelajar DAT semester empat tidak mengambil subjek ini kerana semester empat adalah tempoh menjalani latihan industri.

1.2 Latarbelakang Kajian

Pendidikan perakaunan samada di peringkat Diploma, Ijazah dan Sarjana telah di kritik sejak beberapa tahun yang lampau. Impak kepada perkembangan teknologi yang begitu pantas dan persekitaran pasaran globalisasi telah mengubah peranan akauntan daripada menyimpan kira-kira operasi perniagaan atau maklumat kewangan kepada penyedia maklumat bagi pelbagai pengguna maklumat kewangan yang terdiri daripada pengguna dalaman dan luaran (Albrecht & Sack, 2000; Sundem, 1992; Williams, 1994). Beberapa kajian mendapati bahawa terdapat kesepakatan untuk membentuk semula kurikulum pendidikan perakaunan di Amerika Syarikat dan di lain-lain negara sejak beberapa tahun kebelakangan ini (AAA, 1996; Albrecht & Sack, 2000; AICPA, 1998; Chabrow & Hayes, 2001; Forristal, 2002; Gill, 1998; William, 1994).

Perakaunan yang ada sekarang akan lenyap, kerja-kerja tradisional perakaunan akan berkurang, kurang daripada 25% ahli-ahli AICPA menyediakan perkhidmatan kerja-kerja perakaunan korporat dan pengauditan. Kebanyakan daripada mereka melakukan kerja-kerja yang berkaitan dengan teknologi, pengurusan rundingcara dan perkhidmatan perancangan kewangan persendirian. Terdapat cara pemikiran yang baru. Profession ini telah bertukar kepada satu evolusi perkhidmatan yang menawarkan pengetahuan (Leigh Knopf, 2002).

Menurut Rosiatimah Mohd. Isa (2001) untuk sekian tahun lamanya, firma-firma perniagaan menggunakan khidmat seorang akauntan untuk menyediakan



maklumat kewangan bagi kegunaan dalaman dan luaran, mengaudit maklumat kewangan samada adil, benar dan saksama serta menasihati firma-firma perniagaan dalam hal percukaian dan perundangan berkaitan perakaunan. Bayaran untuk mendapatkan maklumat perakaunan adalah mahal dan hanya khidmat pakar dalam bidang perakaunan sahaja yang boleh menyediakan maklumat kewangan yang tepat. Namun bidang perakaunan dalam zaman “millennium” ini menghadapi cabaran yang sangat signifikan dalam persekitaran perniagaan yang menggunakan teknologi maklumat secara meluas.

Kajian oleh Albrecht & Sack (2000): *Accounting Education: Charting the Course through a Perilous Future*, mendapati terdapat begitu banyak perkhidmatan-perkhidmatan baru yang harus ditawarkan yang tidak pernah terfikir mengenainya sebelum ini. Firma-firma perniagaan memerlukan maklumat dan maklumbalas seberapa segera yang mungkin. Pembangunan teknologi telah mengubah cara seseorang itu berfikir dan bekerja. Kajian ini telah dijalankan di Virginia Universiti, Amerika Syarikat dengan bilangan sampel sebanyak 4,000 dan responden-responden adalah terdiri daripada pendidik, pelajar dan pengamal perakaunan.

Lanjutan daripada kajian yang dilakukan oleh Albrecht dan Sack (2000), satu lagi kajian lanjutan di lakukan oleh Bill Francisco (2002) : *Beyond Albrecht And Sack: A Comparison of Accounting Professionals And College Students*, 2002. Bilangan sampel terdiri daripada 223 orang pelajar berijazah dari Kolej Pentadbiran Perniagaan di Universiti Georgia Selatan, Amerika Syarikat. Dapatan kajian mendapati pengamal-pengamal perakaunan dan pelajar-pelajar dari jurusan perakaunan mempunyai pandangan yang hampir sama mengenai kemahiran-kemahiran yang diperlukan dalam menentukan kejayaan dalam profesion perakaunan.



Kajian oleh Z.Jun Lin, Xiaoyan Xiong dan Min Liu (2005) pula adalah lanjutan daripada kajian Albrecht dan Sack (2000) dan Bill Francisco (2002). Kajian ini dijalankan di Nangjing Normal University, China dengan bilangan sampel sebanyak 1069. Dapatan kajian ini mendapati pendidikan perakaunan di negara Cina sangat terdesak untuk melakukan pembentukan semula kurikulum bagi menyesuaikan dengan keperluan semasa.

Tidak dapat dinafikan bahawa pendidikan perakaunan di Politeknik turut mendapat tempian dari aspek kesesuaiannya dengan keperluan semasa. Keperluan semasa di sini bermaksud, adakah graduan-graduan yang mendapat pendidikan perakaunan di Politeknik KPTM dapat memenuhi kehendak pasaran pekerjaan apabila mereka keluar, sedangkan sembilan belas tahun yang lalu, "American Accounting Association's (AAA) Committee on Future Structure, Content and Scope of Education (Jawatankuasa Bedford) dalam laporan mereka "Future Accounting Education : Preparing for the Expanding Profession, yang diterbitkan dalam tahun 1986 telah menyatakan akan kepentingan peranan pendidikan perakaunan diperluaskan daripada apa yang ada sekarang ini (AAA, 1986).

Jawatankuasa Bedford mengatakan terdapat keraguan mengenai pendidikan perakaunan profesional yang tidak mengalami perubahan sejak 50 tahun yang lalu, secara amnya tidak lagi bertepatan untuk perakaunan profesional pada masa akan datang. Terdapat jurang perbezaan antara yang apa yang dibuat oleh seorang akauntan dengan apa yang diajar oleh pendidik perakaunan. Lulusan-lulusan jurusan Bidang Perakaunan akan menghadapi kesukaran apabila berhadapan dengan kehendak realiti pasaran pekerjaan kerana apa yang dipelajari tidak relevan dengan kehendak alam pekerjaan. Pengamal-pengamal perakaunan telah menunjukkan bahawa pendidikan



perakaunan memerlukan pengubahsuaian mulai sekarang sehingga tahun 2000 ke atas (AAA, 1986). Apa yang diperkatakan ini adalah berdasarkan pandangan terhadap (pada masa itu) jawatankuasa ini terhadap kesan perubahan dalam persekitaran perniagaan. Kini ramai yang mempercayai bahawa jika kita tidak berubah pendidikan perakaunan akan lenyap, memandangkan 'produk' yang dikeluarkan tidak lagi memenuhi permintaan (Albrecht & Sack, 2000).

Beberapa kajian lanjutan telah dijalankan berkait dengan dapatan kajian jawatankuasa Bedford dan Accounting Education Change Commission (AECC). Antaranya oleh *Big Eight White Paper, 1989: Perspectives on Education :Capabilities for Success in the Accounting Profession*; Kajian oleh Institut Akauntan Pengurusan, 1994, dan *Vision Project* oleh American Institute of Certified Public Accountants (AICPA) dalam tahun 1998. Dapatan kajian *White Paper* mengatakan bahawa kurikulum perakaunan perlu ditukar secara menyeluruh dan satu perkongsian yang dinamik perlu dibentuk antara pengamal-pengamal perakaunan dengan ahli-ahli akademik bagi memenuhi kehendak pendidikan yang sebenarnya dalam profesion ini.

Manakala hasil dapatan kajian *Vision Project* menyatakan beberapa kemahiran seperti kemanusiaan, pengetahuan dan teknologi yang memberi nilai tambah adalah penting kepada profesion perakaunan. Kemahiran berkomunikasi, keupayaan untuk bertutur dalam Bahasa Inggeris dan pemikiran kreatif adalah ciri-ciri asas yang perlu ada kepada graduan-graduan untuk mendapatkan pekerjaan (The Star, August 5, 2002).

Atas dasar kesedaran betapa perlunya pendidikan perakaunan di Politeknik direkabentuk semula, penulis menjalankan kajian kepada kursus Diploma Akauntansi (DAT) bagi subjek perakaunan kewangan, dengan mendapat pandangan daripada pensyarah dan pelajar DAT mengenai kesesuaian subjek perakaunan kewangan ini





dengan keperluan semasa dari aspek kandungan kursus dan kurikulum, pedagogi, pembangunan kemahiran dan perkembangan teknologi.

1.2.1 Punca-punca Perubahan

Terdapat sekurang-kurangnya tiga punca utama yang telah menyebabkan kesan perubahan kepada persekitaran dunia perniagaan yang akan ditempuhi oleh pelajar-pelajar kita. Pertama, pembangunan teknologi telah menjadikan penyediaan dan penyebaran maklumat kewangan pada harga yang lebih murah. Pembangunan teknologi berupaya membangunkan perisian-perisian penyediaan maklumat kewangan dengan cepat, tepat dan murah serta memudahkan mereka yang menghadapi kesulitan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan sebelum ini.



Punca kedua yang memberi impak yang signifikan kepada persekitaran dunia perniagaan adalah globalisasi. Kaedah mendapatkan maklumat diibaratkan seperti berada diujung jari dan sistem pengangkutan yang begitu pantas telah menjadikan dunia perniagaan seperti *one giant marketplace*. Pengguna kini boleh mendapatkan barang dari firma luar negara semudah seperti membeli barang di gerai yang berhampiran tempat tinggal mereka. Organisasi seperti General Motors bukan sahaja harus bimbang terhadap saingannya seperti Toyota, Volkswagen, BMW dan Chrysler tetapi kebimbangan adalah kepada firma-firma konglomerat seperti DaimlerChrysler yang bergabung memasuki pasaran negara Eropah, Amerika Utara dan Asia. Ringkasnya, persekitaran perniagaan kini terdedah kepada pesaing-pesaing yang terdiri daripada firma-firma konglomerat. Ketiga, munculnya kuasa-kuasa besar yang menguasai pasaran dan pertukaran dana. Rajah 1 di bawah menunjukkan ringkasan



ilustrasi punca-punca yang membawa perubahan dalam persekitaran perniagaan, kesan kepada perubahan ini dan tindakan-tindakan yang diambil dalam menangani kesan perubahan ini (Albrecht & Sack, 2000).

Rajah 1: Tiga Punca Utama Yang Menyebabkan Perubahan Kepada Persekitaran Perniagaan.



- Jangkahayat sesuatu produk dan kelebihan bersaing adalah pendek. Masa untuk menganalisa sesuatu pelaburan perlu dilakukan segera bagi mengejar keuntungan. Bagi sesiapa yang boleh merebut peluang daripada kesan teknologi dan globalisasi ini akan untung dan sesiapa yang tidak mampu akan rugi.
- Timbulnya firma-firma dan industri-industri yang baru.
- Timbulnya perkhidmatan-perkhidmatan profesional yang baru .
- Timbulnya transaksi-transaksi yang semakin kompleks.
- Perubahan dalam laporan kewangan dan hubungannya dengan pasaran kewangan dan pemain-pemain utama dalam pasaran.
- Lebih memfokuskan kepada pelanggan.

Timbulnya firma-firma yang baru telah membawa kepada munculnya pesaing-pesaing yang baru, permintaan yang tinggi dari institusi pelaburan, tempat pasaran yang

global dan keperluan untuk membuat keputusan yang strategik dan segera. Secara tidak langsung ini telah menyebabkan tambahan dalam ketidakpastian mengenai risiko dan wujudnya transaksi perniagaan yang semakin rencam dan kompleks. Kini badan-badan profesional seperti CPA juga telah menukar ,“perkhidmatan perakaunan“ kepada firma “perkhidmatan profesional“(professional service), yakni menawarkan perkhidmatan yang tidak pernah dijangka sebelum ini (Albrecht & Sack, 2000).

Kesan daripada perubahan ini, telah membawa kepada kurangnya keperluan ‘historical financial statements’, kini pelanggan kita (dan pelabur mereka) tidak peduli apa yang telah berlaku 60 hari atau 90 hari yang lepas; mereka kini mencari sesuatu yang dapat memberi kesan kepada operasi perniagaan pada masa hadapan, dan penyata kewangan kini adalah berbentuk ‘database-type reporting’ bukan lagi penyata kewangan traditional (Albrecht & Sack, 2000).

Syarikat-syarikat juga bertindak merubah gaji bagi kakitangan yang terlibat secara langsung dengan perubahan dalam dunia perniagaan masa kini. Bayaran kepada perkhidmatan menyimpan kira-kira adalah lebih rendah dan kini boleh digantikan kepada sesiapa sahaja yang boleh menggunakan perisian (software) perakaunan yang betul. Bayaran kepada kerja-kerja audit dan percukaian kini melalui persaingan yang sengit. Peningkatan gaji yang lumayan berlaku terhadap perkhidmatan yang membantu syarikat dalam aspek penggunaan teknologi, globalisasi dan aspek pembuatan keputusan strategik (Albrecht & Sack, 2000).

Berikut adalah data yang menunjukkan peningkatan gaji kepada lulusan pengajian perniagaan berbanding lulusan perakaunan oleh NACE di antara tahun 1990 hingga 1999.



Jadual 1.2.1: Data yang menunjukkan peningkatan gaji kepada lulusan pengajian perniagaan berbanding lulusan perakaunan oleh NACE di antara tahun 1990 hingga 1999.

Jenis Pekerjaan	1990 Gaji Purata	1999 Gaji Purata	Peningkatan dalam peratusan
Perakaunan Persendirian dan Awam (Public and Private Accounting)	\$26,400	\$34,500	31
Pelaburan Perbankan dan Kewangan Korporat (Investment Banking and Corporate Finance).	\$29,100	\$37,100	28
Kewangan/Analisa Perbendaharaan (Financial/Treasury Analysis).	\$26,700	\$36,100	35
Sistem Maklumat/Sains Komputer (Information Systems/Computer Science).	\$29,100	\$41,400	42
Rundingcara (Consulting).	\$28,700	\$42,600	48

Sumber: The National Association of Colleges and Employers (NACE), Bethlehem, Pennsylvania.

Data di atas jelas menunjukkan bahawa lulusan yang bekerja dalam bidang teknologi atau membantu syarikat dalam membuat keputusan strategik memperoleh gaji yang lebih tinggi berbanding perakaunan persendirian (Albrecht & Sack, 2000).

Dalam satu sesi perjumpaan antara pensyarah-pensyarah perakaunan Politeknik Ungku Omar dengan Institut Akauntan Malaysia pada 21 Ogos 2003, Nik Mohd. Hasyudeen Yusoff (Council Member of Malaysian Institute of Accountants (MIA)) dalam ceramahnya bertajuk “Globalisation And Liberalisation Of The Accountancy Service Sector-Assessing The Critical Challenges For The Malaysian Accounting Education”, telah memberi penekanan akan perlunya perubahan kepada sukatan



pelajaran dalam subjek perakaunan di Politeknik-politeknik Kementerian Pengajian Tinggi memandangkan pendidik perakaunan perlu bersedia untuk melahirkan graduan-graduan yang bakal menjadi ahli MIA dalam pasaran globalisasi. Graduan-graduan yang dilahirkan haruslah dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang mempunyai kriteria-kriteria seperti “Global Recognition”, “Producing Globally Competitive Graduates” dan “Providing Exportable Skills”.

Menurut beliau lagi, berlakunya perjanjian antara negara ASEAN iaitu GATS (1994) dan AFAS (1995), akan membawa kepada kemasukan pekerja separa profesional dan profesional dalam bidang perkhidmatan termasuk perakaunan. Andaikata graduan-graduan perakaunan yang dilahirkan di pasaran kini tidak mempunyai kriteria-kriteria seperti yang disebutkan di atas maka sukarlah bagi mereka untuk memenuhi permintaan pasaran pekerjaan. Para pendidik perakaunan di Politeknik-politeknik harus bertindak segera bagi mengatasi isu yang ditimbulkan ini.

Firma-firma perakaunan di Malaysia juga bertindak menawarkan perkhidmatan-perkhidmatan yang baru selain daripada meneruskan perkhidmatan traditional sebagai penyedia maklumat kewangan. Tindakan seumpama ini perlu bagi mengurangkan risiko kehilangan pelanggan mereka yang berpindah kepada firma-firma baru yang menawarkan perkhidmatan-perkhidmatan yang lebih berdaya saing selari dengan keperluan persekitaran perniagaan masa kini (Raymond Liew, 2003).

1.3 Pernyataan Masalah

Pengamal-pengamal perakaunan menyarankan kepada pendidik perakaunan bahawa struktur pendidikan perakaunan adalah ketinggalan, usang dan perlu dibaiki secara signifikan. Dalam satu temuduga dengan Profesor William G. Shenkir dari Virginia Universiti, beliau telah menyatakan kandungan kursus dan kurikulum perakaunan perlu di *overhaul* secara menyeluruh memandangkan apa yang diajar oleh pendidik perakaunan tidak lagi sepadan dengan permintaan pasaran pekerjaan masa kini. Kandungan kursus adalah terlalu terperinci dan teknikal dan pendidik perakaunan harus mengakui akan kesilapan dalam pembuatan keputusan kurikulum (Albrecht & Sack, 2000).

Dalam satu sedutan temuramah antara wartawan eksekutif Berita Minggu bertarikh 27 hb.Mac 2005, Azran Jaffar dengan Naib Cancellor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Datuk Dr. Mohd. Salleh Mohd Yasin melaporkan :

“.....macam – macam sudah dibincangkan seperti ‘mismatch’ antara siswazah dengan keperluan pasaran pekerjaan”.

Para graduan sebenarnya tidak mempunyai pengetahuan secara realiti berkaitan operasi dunia perniagaan seperti sektor pekilangan, perbankan, insurans dan sebagainya. Pengetahuan teknikal yang khusus sebagai persediaan program profesional perakaunan adalah perlu, tetapi kini majikan memerlukan pekerja yang mempunyai kemahiran-kemahiran seperti *penyelesaian masalah, kerjakumpulan, komunikasi, kepimpinan, dan ‘systems thinking’* (Carnevale, 2000; Rao dan Sylvester, 2000; Oblinger and Verville, 1998; Miles, 1994).

Menurut Albrecht & Sack (2000), pendidik perakaunan tidak mengajar kepada pelajar tentang bagaimana teknologi telah mengubah segala yang kita lakukan dalam

perniagaan. Program perakaunan tidak menekankan kepada pembelajaran kemahiran teknikal yang boleh memberi mereka lebih kejayaan. Teknologi telah berubah dan akan berterusan mengalami perubahan terutama dalam kita membekalkan dan menggunakan maklumat dalam pembuatan keputusan.

Dari aspek pedagogi, Huba dan Freed (2000) dan Barr dan Tagg (1995) menyatakan selama ini penekanan kurikulum adalah menekankan kepada paradigma pemusatan mengajar. Dalam paradigma ini, pelajar hanya menerima pengetahuan secara pasif dan tidak mempunyai hubungan dengan kontek yang sebenarnya bila hendak digunakan. Menurut Barr dan Tagg (1995) pula, objektif pengajaran di sini secara keseluruhannya hanyalah mencurahkan atau memindahkan segala ilmu pengetahuan yang ada daripada pensyarah kepada pelajar.

Majikan kini mencari pekerja yang mempunyai keupayaan yang tinggi dalam kemahiran-kemahiran seperti penyelesaian masalah, kerja kumpulan, komunikasi, kepimpinan dan 'system thinking' (Carnevale, 2000; Rao dan Sylvester, 2000; Oblinger dan Verville, 1998; Miles, 1994). Malangnya, menurut Albrecht & Sack (2000) model-model pendidikan perakaunan memfokuskan kepada aspek akademik sukatkan berbanding dengan aspek pembangunan kemahiran mengakibatkan pelajar gagal memindahkan segala pengetahuan bila berada dalam dunia pekerjaan yang sebenarnya. Kemahiran analitikal graduan yang baru menjawat jawatan audit agak menakutkan kerana ada di kalangan mereka tidak mampu atau memahami analisis penyata kewangan malahan apabila menjumpai sesuatu yang berlainan dengan apa yang dipelajari mereka tidak mempunyai keyakinan untuk membuat keputusan.



1.4 Objektif Kajian.

Kajian ini mempunyai dua objektif, iaitu:


- (a) Mengenalpasti pendapat pelajar dan pensyarah DAT mengikut 'ranking' mengenai kesesuaian subjek perakaunan kewangan dengan keperluan semasa dari aspek kandungan kursus dan kurikulum, pedagogi, pembangunan kemahiran dan perkembangan teknologi.
- (b) Mengenalpasti perbezaan pendapat yang signifikan antara pelajar dan pensyarah DAT mengenai kesesuaian subjek perakaunan kewangan dengan keperluan semasa dari aspek kandungan kursus dan kurikulum, pedagogi, pembangunan kemahiran dan perkembangan teknologi.



1.5 Model Konseptual Kajian.

Model konseptual kajian menunjukkan pandangan pelajar dan pensyarah DAT semester 2,3,5 dan 6 sebagai pembolehubah bebas terhadap kesesuaian subjek perakaunan kewangan dari aspek kandungan kursus dan kurikulum, pedagogi, pembangunan kemahiran dan perkembangan teknologi sebagai pembolehubah bersandar. Isu ini berlaku kerana kesan daripada perubahan persekitaran perniagaan. Berikut adalah model konseptual kajian yang memperlihatkan kaitan antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar.



Rajah 2: Model Konseptual Kajian**1.6 Persoalan Kajian.**

- (a) Apakah pendapat pelajar dan pensyarah DAT semester 2,3,5 dan 6 mengenai kesesuaian subjek perakaunan kewangan dengan keperluan semasa dari aspek kandungan kursus dan kurikulum?
- (b) Apakah pendapat pelajar dan pensyarah DAT semester 2,3,5 dan 6 mengenai kesesuaian subjek perakaunan kewangan dengan keperluan semasa dari aspek pedagogi?
- (c) Apakah pendapat pelajar dan pensyarah DAT semester 2,3,5 dan 6 mengenai kesesuaian subjek perakaunan kewangan dengan keperluan semasa dari aspek pembangunan teknologi?



- (d) Apakah pendapat pelajar dan pensyarah DAT semester 2,3,5 dan 6 mengenai kesesuaian subjek perakaunan kewangan dengan keperluan semasa dari aspek perkembangan teknologi?
- (e) Adakah terdapat perbezaan pendapat yang signifikan antara pelajar dan pensyarah DAT semester 2,3,5 dan 6 mengenai kesesuaian subjek perakaunan kewangan dengan keperluan semasa dari aspek kandungan kursus dan kurikulum?
- (f) Adakah terdapat perbezaan pendapat yang signifikan antara pelajar dan pensyarah DAT semester 2,3,5 dan 6 mengenai kesesuaian subjek perakaunan kewangan dengan keperluan semasa dari aspek pedagogi?
- (g) Adakah terdapat perbezaan pendapat yang signifikan antara pelajar dan pensyarah DAT semester 2,3,5 dan 6 mengenai kesesuaian subjek perakaunan kewangan dengan keperluan semasa dari aspek pembangunan kemahiran?
- (h) Adakah terdapat perbezaan pendapat yang signifikan antara pelajar dan pensyarah DAT semester 2,3,5 dan 6 mengenai kesesuaian subjek perakaunan kewangan dengan keperluan semasa dari aspek perkembangan teknologi ?

1.7 Hipotesis.

Hipotesis kajian adalah:

H₀₁: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan ke atas skor min pendapat pelajar dan pensyarah DAT semester 2, 3, 5, 6 mengenai kesesuaian subjek perakaunan kewangan dengan keperluan semasa dari aspek kandungan kursus dan kurikulum.



- Ho₂: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan ke atas skor min pendapat pelajar dan pensyarah semester 2, 3, 5 dan 6 mengenai kesesuaian subjek perakaunan kewangan dengan keperluan semasa dari aspek pedagogi.
- Ho₃: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan ke atas skor min pendapat pelajar dan pensyarah semester 2, 3, 5 dan 6 mengenai kesesuaian subjek perakaunan kewangan dengan keperluan semasa dari aspek pembangunan kemahiran.
- Ho₄: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan ke atas skor min pendapat pelajar dan pensyarah semester 2, 3, 5 dan 6 mengenai kesesuaian subjek perakaunan kewangan dengan keperluan semasa dari aspek perkembangan teknologi.

1.8. Kepentingan Kajian.

Sebagai pendidik dalam subjek perakaunan kewangan selama 17 tahun, pengkaji merasa kajian terhadap subjek ini sangat perlu untuk dijalankan memandangkan ianya memberi manfaat kepada pihak-pihak berikut:

- 1) Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Hasil kajian ini boleh dimanupulasikan oleh penggubal kurikulum bagi subjek ini ke arah pembentukan kurikulum mengikut keperluan masa kini.

- 2) Tenaga pengajar.

Hasil kajian ini boleh membantu pensyarah merancang program-program tertentu dengan mengambil kira dapatan kajian, malah boleh mempertingkatkan input-input pengetahuan dan kemahiran dalam proses pembelajaran selari dengan kehendak masa kini.

3) Badan-badan profesional perakaunan

Hasil kajian ini boleh digunakan oleh badan-badan profesional perakaunan seperti MIA untuk memberi input mengenai kehendak pasaran kerja kepada pengubal kurikulum di Politeknik, tenaga pengajar dan pelajar.

4) Pelajar Diploma Akauntansi Politeknik.

Hasil daripada kajian ini akan dapat melengkapkan pelajar dengan kelayakan yang mendapat pengiktirafan global, berdaya saing dan mempunyai kemahiran perkhidmatan yang boleh dieksport. Ini selari dengan misi Politeknik iaitu “Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia berusaha untuk menghasilkan tenaga kerja separa profesional yang berkualiti bagi menampung keperluan sektor awam dan swasta di Malaysia”.

1.9 Definisi Operational Kajian

(a) Pendidikan.

Menurut Sufean Hussin (1996) pengertian pendidikan berbeza-beza jika ditinjau daripada beberapa segi. Walau bagaimanapun secara umumnya ia adalah penggunaan(consumption) dan juga pelaburan (investment). Penggunaan kerana ia memerlukan sumber-sumber bagi mencapai matlamat luaran dan dalaman. Pelaburan pula kerana ia menghasilkan pulangan bagi pembangunan individu, sumber tenaga manusia, sosial dan ekonomi.

Menurut Dr. Oemar Hamalik (1999) suatu rumusan nasional tentang istilah “Pendidikan” adalah sebagai berikut: “Pendidikan adalah usaha sadar untuk

menyiapkan peserta didik melalui kegiatan bimbingan, pengajaran, dan/atau latihan bagi peranannya di masa yang akan datang”.

(b) Pendidikan Perakaunan

Pendidikan perakaunan adalah satu pengajian mengenai semua peraturan-peraturan atau prinsip-prinsip tentang perekodan angka dalam nilai-nilai kewangan (Arumugam, 1986 dan Sukumaran, 1991). Skounsens, Langenderfer & Albrecht (1993) pula mentakrifkan pendidikan perakaunan sebagai satu bidang ilmu yang berkaitan dengan pemahaman dan kemahiran pelajar dalam mengumpul, mengukur dan menyampaikan maklumat kewangan.

Pendidikan perakaunan menyediakan pelajar ke arah satu profesion yang amat di perlukan di dalam dunia perniagaan sebagai sumber penyediaan maklumat kewangan. Mereka bertanggungjawab untuk membekalkan maklumat kewangan bagi sesuatu entiti perniagaan. Bergantung kepada taraf kelayakan dan pengalaman, pendidikan perakaunan memberikan laluan kerjaya yang banyak kepada pelajar iaitu samada sebagai kerani akaun, pegawai akaun, akauntan atau pun pengurus kewangan .

Maklumat kewangan menjadi sebahagian daripada maklumat kuantitatif. Seperti yang dinyatakan di dalam definisi di atas, sebahagian besar daripada yang diterbitkan oleh proses perakaunan merupakan maklumat kewangan. Selain dari yang berbentuk kewangan maklumat kuantitatif yang lainnya berbentuk nisbah dan peratusan. Walau bagaimana pun semua maklumat yang diterbitkan oleh proses perakaunan dipanggil maklumat perakaunan.

Menurut Low Joon Yean (1997), “ Perakaunan merangkumi proses menganalisis, meringkas, mengumpul dan mentafsir segala maklumat yang telah



direkod supaya maklumat ini adalah lebih berguna dan bermakna kepada pihak-pihak yang memerlukan maklumat tersebut”.

“Accounting is concerned with recording and classifying and summarizing of data, and then communicating what has been learned from it”

- Frank Wood's 2002

Menurut Low Joon Yean (1997), “Perakaunan boleh dibahagikan kepada tiga cabang utama, iaitu Perakaunan Kewangan, Perakaunan Kos dan Perakaunan Pengurusan”. Perakaunan Kewangan merupakan satu cabang perakaunan yang terlibat dengan proses merekod semua urusan niaga yang telah berlaku untuk tujuan menentukan nilai asset dan liabiliti, menghitung untung dan rugi untuk setiap tempoh perakaunan. Aspek perakaunan ini memberi gambaran keseluruhannya tentang peristiwa-peristiwa yang berlaku.

Perakaunan kos merupakan aspek perakaunan yang berkait dengan proses untuk merekod dan mengakaunkan kos daripada titik perbelanjaan ini berlaku sehingga titik perhubungannya dengan pusat-pusat kos dan unit-unit kos dipastikan.

Perakaunan Pengurusan adalah berkait dengan pengurusan. Perakaunan pengurusan memerlukan proses merancang aktiviti perniagaan dengan teliti, membuat keputusan untuk memilih alternatif atau tindakan yang terbaik dan mengadakan kawalan terhadap semua aspek perniagaan.

(c) Kandungan Kursus dan Kurikulum

Menurut Laporan Kabinet Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979, “Kurikulum adalah ‘core’ kepada ‘business’ pendidikan. Ia merupakan satu rancangan pendidikan yang membendung segala ilmu pengetahuan, kemahiran, nilai dan norma serta unsur-unsur kebudayaan dan kepercayaan yang menjadi pilihan masyarakat untuk diwariskan



kepada ahli-ahli dari satu generasi kepada satu generasi lain. Rancangan pendidikan ini bertujuan untuk memenuhi keperluan individu dan negara.”

(d) Pedagogi

Pedagogi dalam kajian ini bermaksud membekalkan kepada para pelajar input pengetahuan yang mencukupi bagi kemantapan ilmu dalam bidang perakaunan dari aspek teori dan praktikal sebagai langkah persediaan menghadapi persekitaran global dalam alam pekerjaan dan dunia perniagaan yang sebenar bila mereka keluar nanti.

Pedagogi di sini bukan lagi menekankan konsep hafalan dan menghadapi peperiksaan semata-mata.

(e) Pembangunan Kemahiran

Menurut Sufean Hussin (1996), “Pembangunan boleh membawa maksud yang pelbagai bergantung pada situasi atau konteks penggunaannya”. Secara amnya, pembangunan bererti perubahan yang berkait dengan pertumbuhan (growth), adaptasi dan kemajuan (progress). Perubahan dalam pengertian pembangunan membawa kesan-kesan positif dan progresif, bukannya kesan-kesan retrogresif atau kesan-kesan negatif yang menjadikan masyarakat bertambah mundur.

Pembangunan tenaga manusia dan tenaga rakyat menjelang abad ke 21 tidak terhad kepada penyediaan dan pembekalan tenaga pekerja yang berketrampilan dalam sektor-sektor perindustrian dan perdagangan sahaja. Y.A.B. Perdana Menteri telah menghuraikan bentuk, corak dan tumpuan yang perlu dilakukan iaitu rakyat Malaysia harus mencapai taraf yang setinggi-tingginya dari segi ketrampilan, dari segi penghargaan mereka akan kemahiran dan pengetahuan serta kemajuan diri, dari segi

kemampuan diri, dari segi kemampuan berbahasa, dari segi sikap mereka terhadap kerja dan disiplin, dari segi motivasi mereka terhadap kecemerlangan dan terhadap mendorong semangat keusahawanan (Sufean Hussin, 1996).

Pembangunan Kemahiran dalam kajian ini merujuk kepada pembangunan kemahiran dari aspek komunikasi bertulis, komunikasi lisan, pemikiran kritikal/analitikal, pembuatan keputusan, kemahiran 'interpersonal', kerjakumpulan dan teknologi komputer. Pendidikan perkaunan tidaklah terhad setakat menghabiskan sukatan kandungan kursus dan kurikulum sahaja malah aspek-aspek kemahiran seperti yang dinyatakan di atas harus diberi keutamaan.

(f) Perkembangan Teknologi

Dalam konteks pendidikan, teknologi maklumat merupakan peralatan teknologi komunikasi atau sistem rangkaian elektronik yang boleh digunakan untuk mengumpul, menyimpan, memproses, menyalurkan dan menyampaikan maklumat secara pantas dan tepat seperti INTERNET atau MULTIMEDIA atau HYPERMEDIA untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran.

Perkembangan bidang teknologi maklumat telah dapat memudahkan manusia berkomunikasi dalam mengurus, menyimpan dan menyebarkan maklumat dengan lebih canggih sama ada dalam bentuk data teks, imej atau suara.

(g) Kesesuaian

Kesesuaian dalam kajian ini bermaksud untuk mengenalpasti subjek ini sesuai dengan keperluan masa kini dari aspek kandungan kursus dan kurikulum, pedagogi,

pembangunan kemahiran dan perkembangan teknologi. Dalam proses menyediakan warganegara Malaysia dengan pendidikan yang lengkap bagi mengisi dua keperluan utama iaitu keperluan individu dan keperluan negara, subjek perakaunan kewangan ini perlu dirancang, diurus dan dinilai dengan teliti.

1.10 Bidang Dan Batasan Kajian.

1.10.1 Bidang Kajian

Bidang kajian ini hanya menumpukan kepada perakaunan kewangan sahaja, sedangkan pendidikan perakaunan di Politeknik juga meliputi subjek-subjek lain seperti perakaunan pengurusan, percukaian, kewangan dan pengauditan. Ini adalah kerana, sebahagian besar daripada konsep asas dalam bidang perakaunan adalah terdapat dalam subjek ini. Ini dapat dilihat dari jadual 1.1.2 di mukasurat 5 yang menunjukkan subjek perakaunan kewangan menguasai 53 peratus dari jumlah jam kredit subjek bidang perakaunan.

Kajian ini juga hanya menumpukan kepada pembolehubah-pembolehubah kategori semester sahaja samada bagi responden pelajar dan pensyarah. Pembolehubah-pembolehubah ini dipilih kerana pengkaji berpendapat ia sangat mempengaruhi dan berkaitan dengan pendapat yang harus diberikan ke atas kesesuaian subjek ini dengan keperluan semasa.



1.10.2 Batasan Kajian

Kajian ini hanya dijalankan di dua buah Politeknik yang berada di zon tengah Semenanjung Malaysia. Pengkaji bercadang untuk menjalankan kajian di semua sebelas Politeknik seperti di jadual 1.1.1 mukasurat 3 yang menawarkan subjek ini pada masa akan datang, dengan harapan pada masa itu peruntukan kewangan dan masa tidak lagi menjadi kekangan.

